



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA



UKK/600-01/05 (39)

## SIARAN MEDIA

### ERIS PERIS IKON FOTOGRAFI JURNALIS MALAYSIA

**KUALA LUMPUR** – Balai Seni Negara mengadakan Pameran Arkib Eric Peris bertempat di Galeri Potret, Balai Seni Negara. Pameran ini merupakan usaha dokumentasi yang komprehensif dalam menyoroti perjalanan seni O Don Eric Peris, iaitu seorang artis yang telah meninggalkan jejak dalam seni rupa halus serta fotografi jurnalistik di Malaysia.

Eric Peris adalah seorang tokoh dalam dunia fotografi Malaysia. Beliau begitu komited terhadap seninya selama lebih empat dekad. Dengan karier yang merentang dari awal tahun 1980-an sehingga kini, beliau telah menjadi tokoh penting dalam membentuk naratif seni tempatan. Bersama Almarhum Ismail Hashim, Eric Peris telah muncul sebagai salah seorang suara peneraju dalam fotografi Malaysia yang mengabadikan esensi budaya, sejarah, dan masyarakat negara ini melalui lensanya.

Pada usia 84 tahun, semangat dan kebolehan artistik Eric Peris telah menghadirkan pameran ini sebagai penghormatan terhadap karyanya. Pameran Arkib Eric Peris menggali lebih dalam perjalanan artistiknya yang merangkumi sumbangan pentingnya terhadap perkembangan fotografi jurnalis lokal dan seni rupa halus yang mencerminkan keunikan identiti Malaysia.

Pameran ini memuat lebih daripada 100 dokumen arkib, surat khabar, brosur, serta karya seni dan Koleksi Seni Visual Negara. Menerusi pameran ini, ia bukan sahaja menghormati pencapaian cemerlangnya, tetapi turut memberi penekanan mengenai peranan penting galeri dalam melindungi dan memperingati ikon sejarah seni Malaysia. Selain itu, ia juga dapat memberi inspirasi sekaligus mampu memberi kesedaran akan kepentingan seni dalam membentuk kepelbagaian budaya Malaysia.

Justeru, orang ramai dijemput hadir melawat dan bersama-sama menelurusi perjalanan seni Eric Peris yang sedang dipamerkan sehingga Mei 2024 di Galeri Potret. Maklumat lanjut mengenai pameran dan program sokongan anjuran Balai Seni Negara, ikuti media sosial rasmi atau layari laman sesawang [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my).

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat  
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Sarifah Abu Bakar Ebau**

T: +60 16 494 7921

E: [sarifah@artgallery.gov.my](mailto:sarifah@artgallery.gov.my)

**Wan Nor Hidayah Wan Idris**

T: +60 17 987 3303

E: [hidayah@artgallery.gov.my](mailto:hidayah@artgallery.gov.my)